

UJIAN PDPR 2021

BAHAGIAN A

(20 markah)

**SILA KLIK DI JAWAPAN YANG ANDA PILIH**

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Norizan akan ke rumah datuk \_\_\_\_\_ di Kangar pada cuti sekolah nanti.
- A. dia
  - B. nya
  - C. beliau
  - D. kami

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Pelbagai \_\_\_\_\_ telah dibuat oleh keluarga Encik Zakaria untuk menyambut Hari raya Aidilfitri.
- A. perkakasan
  - B. percubaan
  - C. persediaan
  - D. peralatan
3. Kami duduk-duduk sambil minum di kantin untuk \_\_\_\_\_ penat selepas berlatih sukan.
- A. membuang
  - B. melupakan
  - C. menghilangkan
  - D. melenyapkan

4. Saya ingin memohon maaf sekiranya terdapat kata-kata saya yang \_\_\_\_\_ perasaan.
- A. mencuit
  - B. mengusik
  - C. mengganggu
  - D. menyinggung
5. Wak Karman berehat sebentar selepas terlalu \_\_\_\_\_ bekerja di sawah.
- A. lenguh
  - B. sakit
  - C. penat
  - D. lemah
6. Walaupun baru berusia tiga tahun, Siti \_\_\_\_\_ bercakap.
- A. mahir
  - B. tangkas
  - C. petah
  - D. laju
7. Kesesakan \_\_\_\_\_ di negara ini dapat diatasi jika amalan berkongsi kereta dipraktikkan.
- A. laluan mudah
  - B. lalu lintas
  - C. laluan pintas
  - D. lintas langsung
8. Puan Leela mengalihkan almari perhiasannya dari \_\_\_\_\_ ke dapur.
- A. ruang tamu
  - B. ruang bilik
  - C. ruang legar
  - D. ruang lingkup

9. Nek Limah merenung saya untuk mengecam saya kerana penglihatannya sudah \_\_\_\_\_.

- A. kabur
- B. gelap
- C. kelam
- D. hilang

10. Daniel sedang \_\_\_\_\_ tajuk-tajuk yang dinyatakan oleh guru mata pelajaran Sains bagi menghadapi ujian pada hari esok.

- A. menguji kaji
- B. menemu duga
- C. mengulang kaji
- D. menyoal selidik

11. Sungai itu tidak pernah tohor sejak dulu kerana dijaga dengan baik oleh masyarakat setempat.

*Pilih perkataan sinonim bagi tohor.*

- A. kotor
- B. cetek
- C. deras
- D. kering

12. Keadaan di pinggir bandar itu amat sunyi sekali pada waktu tengah malam.

*Pilih perkataan antonim bagi sunyi.*

- A. damai
- B. asing
- C. sibuk
- D. bising

### Soalan 13 dan 14

Pilih ayat yang betul.

13. A. Baju itu disulam dengan corak yang cantik.  
B. Kepada ahli-ahli Persatuan Bahasa Melayu.  
C. Julia persetujuan untuk membeli kasut itu.  
D. Pak Wan sebiji durian membelah.
14. A. Bukit itu tinggi apabila laluannya curam.  
B. Mereka makan di kantin sambal berbual-bual.  
C. Sekawan jala koyak akibat tersangkut pada batu.  
D. kedai runcit itu jauh daripada taman perumahan.

### Soalan 15 dan 16

Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

15. Dewan serba guna itu perlu ditutup sementara kerana bumbungnya rosak.
- A. Bilakah dewan serba guna itu akan ditutup buat sementara?  
B. Mengapakah dewan serba guna itu perlu ditutup sementara?  
C. Apakah kerosakan yang berlaku di dewan serba guna itu?  
D. bagaimanakah kerosakan bumbung dewan serba guna itu akan dibaiki?
16. Bangunan sekolah itu dicat oleh beberapa orang sukarelawan semasa aktiviti gotong-royong.
- A. Berapakah jumlah sukarelawan yang mengecat bangunan itu?  
B. Mengapakah mereka mengecat bangunan sekolah itu?  
C. Siapakah yang mengecat bangunan sekolah itu?  
D. Bagaimanakah mereka mengecat bangunan sekolah itu?

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Terengganu memang terkenal dengan keindahan pesisiran pantainya yang panjang. Dari Setiu sehingga Rantau Abang, setiap kawasan pantainya memiliki keistimewaan tersendiri.

Walaupun tidak semeriah pantai di Bali atau Phuket, pantai-pantai di Terengganu sentiasa sesak dengan pengunjung tempatan sama ada untuk berkelah, berkhemah, atau bertemasya. Selain Pantai Batu Buruk di Kuala Terengganu, Pantai Teluk Bidara di Dungun dan Pantai Kemasik di Kemaman, Pantai Air Tawar di daerah besut juga tidak kurang istimewa kerana menjadi tempat untuk *menyaksikan panorama* matahari terbenam. Terletak kira-kira 10 minit perjalanan dari pekan Kuala Besut atau 30 minit perjalanan dari bandar Jerleh, pesisiran pantainya yang panjang membolehkan pelbagai aktiviti rekreasi diadakan termasuk bola sepak dan bola tampar. Pengunjung juga bebas mengadakan aktiviti perkelahan bersama-sama keluarga, berjoging, bersiar-siar, atau bermain layang-layang. Kawasan pantai ini dipenuhi deretan pokok ru yang sesuai dijadikan tempat berehat.

17. Apakah faktor yang menyebabkan Terengganu terkenal?

- A. Pantainya panjang.
- B. Suasana di pantainya semeriah pantai di Bali.
- C. Pelbagai aktiviti pantai diadakan.
- D. Banyak pohon ru di tepi pantainya.

18. Apakah keistimewaan Pantai Air Tawar?

- A. Tempat pelbagai aktiviti rekreasi diadakan.
- B. Tempat melihat panorama matahari terbenam.
- C. Tempat untuk berehat di bawah deretan pokok ru.
- D. Tempat untuk melihat keindahan gugusan pulau kecil di perairan Terengganu.

19. Pelbagai aktiviti sering diadakan di pantai Terengganu **kecuali**

- A. berkelah.
- B. berjoging.
- C. membeli-belah.
- D. bermain layang-layang.

20. Rangkaian kata *menyaksikan panorama* dalam petikan bermaksud

- A. melihat pemandangan.
- B. mengikuti perkembangan.
- C. menonton perubahan.
- D. memandang keadaan.

## BAHAGIAN B

(30 markah)

### Soalan 21

(a) Tuliskan jawapan di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

- i. Pertumbuhan pokok cili itu terbantut kerana tidak \_\_\_\_\_ baja.  
dibubuh (     )            membubuh (     )            terbubuh (     )
- ii. Kemenangan itu \_\_\_\_\_ kepada pasukan Kedah setelah menjaringkan dua gol berbalas kosong.  
sepihak (     )            berpihak (     )            terpihak (     )

(2 markah)

(b) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

|                                                                                                                  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i. Semua anak perempuan Puan Rose mempunyai raut wajah yang _____.                                               |
| ii. Cikgu Yusri meminta murid-muridnya membuat _____ supaya mereka memahami subjek Matematik dengan lebih cepat. |
| iii. Saya terkejut apabila melihat _____ itu bertenggek di atas dahan berhampiran dengan tingkap bilik.          |
| iv. Ahmad Fitri mengambil secarik kain _____ lalu membalut _____nya yang luka.                                   |

|               |
|---------------|
| burung hantu  |
| latih tubi    |
| ibu jari      |
| cantik jelita |

( 2 markah)

(c) Klik pada jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- i. Tuk Ketua mahu kita ( berkerumun , berkumpul, bersesak ) di depan balai raya pagi esok.
- ii. Budak-budak itu ( berhamburan, berkeliaran, bertempiaran ) apabila dikejar oleh seekor anjing.

(2 markah)

## Soalan 22

Tuliskan **BETUL** pada ayat yang betul dan **SALAH** pada ayat yang salah di petak kosong yang disediakan.

(i) Semenjak melintas jalan raya, kita perlu melihat ke kiri dan ke kanan.

(ii) Kita perlu membaca buku supaya dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

(iii) Jika menunggu kepulangan ibunya, Faridah mengemas rumah.

(iv) Semua murid berada di padang kecuali Letchumi kerana dia sakit.

(v) Adli dan Umairah akan menyertai pertandingan robotik pada minggu hadapan.

( 5 markah)

### Soalan 23

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya, Kamu boleh menaip jawapan di ruangan yang disediakan dengan klik pada tempat kosong.

“Zulaika, mari sarapan,” pelawa Puan Fatimah kepada anak tunggalnya.

“Ibu, apakah sarapan kita pada hari ini?” tanya Zulaika sambil mencium pipi ibu kesayangannya. Puan Fatimah sentiasa memastikan anaknya bersarapan terlebih dahulu sebelum ke sekolah.

“Wah, sedapnya kek pisang ini!” ujar Zulaika. Dia terus mengambil kek pisang lalu makan dengan enaknya.

“Pisang merupakan sumber karbohidrat yang tinggi. Karbohidrat akan merangsang paras glukosa dan mikronutrien di dalam otak agar kamu menjadi lebih fokus ketika belajar,” jelas Puan Fatimah.

“Minum susu ini. Susu mengandungi kalsium, magnesium, dan potassium. Susu juga dapat meningkatkan memori dan fungsi kognitif kamu,” jelas Puan fatimah.

“Oh, begitu! Itulah sebabnya saya selalu cemerlang dalam peperiksaan,” seloroh Zulaika kepada ibunya.

(a) Apakah menu yang disediakan oleh Puan Fatimah untuk anaknya?

---

---

(2 markah)

(b) Tuliskan **BETUL** pada pernyataan yang betul dan **SALAH** pada pernyataan yang salah.

(i) Zulaika makan kek pisang semasa sarapan.

(ii) Pisang merupakan sumber protein yang tinggi.

(2 markah)

(c) Pada pendapat anda, apakah kebaikan mengambil sarapan kepada murid-murid? Jawapan kamu hendaklah dalam ayat yang lengkap.

---

---

---

(3 markah)